

Banjir kilat landa Kebun Baru

12 mangsa terperangkap termasuk dua warga emas uzur

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KEBUN BARU - Hujan lebat kelmarin, menyebabkan Kampung Batu 9, Kebun Baru, Jalan Sukepi dan laluan ke Jalan Kebun, di sini, dilanda banjir kilat sehingga ada penduduk termasuk dua warga emas terperangkap.

Seramai 12 mangsa daripada empat keluarga terperangkap dan mula mula dipindahkan secara berperingkat kira-kira 1.55 petang manakala usaha membawa barang keperluan penting masih terus dijalankan sehingga semalam.

Kira-kira 30 anggota Unit Amal bersama pelbagai jabatan termasuk Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Ikatan Sukarelawan Rakyat Malaysia (Rela) terlibat membantu mangsa.

Ahli Majlis MDKL, Rizuan Rahmat berkata, sebaik menerima maklumat banjir kilat itu usaha menyelamatkan dan membawa keluar mangsa dilakukan memandangkan air naik sehingga mencecah satu meter.

"Dua daripada mangsa adalah warga emas uzur dan mereka antara yang terawal dipindahkan," katanya ketika turun padang meninjau Pusat Penempatan Mangsa Banjir di sini, semalam.

Turut hadir melawat mangsa banjir, Ahli



Warga emas terlantar, Nasirah Berou dibawa keluar dari rumahnya yang dinaiki air untuk dipindahkan.

Dewan Undangan Negeri (Adun) Sijangkang, Dr Ahmad Yunus Hairi dan Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli.

Balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Batu 9, dijadikan penempatan sementara mangsa banjir dan dijangka beroperasi selewat-lewatnya



Antara jalan yang dinaiki air dan terpaksa ditutup untuk kenderaan ringan.

lima hari sehingga keadaan pulih.

Sementara itu, Ketua Polis Balai Telok Panglima Garang, Sub Inspektor Mohamed Mohd Amin berkata, beberapa laluan ke kampung berkenaan ditutup sementara waktu berikutan paras air melimpah melebihi 0.5 meter.

"Kesesakan berlaku di beberapa jalan

di sini menyebabkan pengguna kenderaan terpaksa menggunakan laluan alternatif untuk ke sesuatu destinasi," katanya.

Difahamkan, antara yang terjejas laluan utama dari Jalan Helang ke Jalan Murai.

Dalam pada itu, kira-kira 10 kenderaan turut terperangkap apabila paras air naik mendadak mencecah kira-kira satu meter.